

# Pilih wakil boleh

30 SEP 1990

## bekerja: PM

MELAKA, Isnin — Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata rakyat seharusnya memilih wakil rakyat yang boleh bekerja untuk membangunkan mereka dan negara, bukan golongan yang hanya pandai berkata-kata.

Sehubungan itu, beliau menegur sikap penduduk di kawasan bandar yang terus menyokong pembangkang, sedangkan kemudahan yang mereka nikmati itu sebenarnya disediakan oleh kerajaan.

Katanya, wakil rakyat dari kalangan parti pembangkang hanya pandai berkata-kata, sedangkan segala usaha dan tenaga bagi melaksanakan projek pembangunan dipikul oleh kerajaan.

Menurutnya, tidak ada sebab mengapa masyarakat bandar harus terus memberi sokongan kepada pembangkang yang tidak memiliki sebarang kelebihan untuk memajukan negara.

"Saya rasa rakyat hari ini sudah boleh berfikir dengan matang dan seharusnya memilih

wakil rakyat yang boleh bekerja untuk membangunkan mereka dan negara, bukan golongan yang hanya pandai berkata-kata," katanya di majlis perasmian Pangsapuri Seri Siantan, Bukit Baru di sini, hari ini.

Turut hadir ialah Presiden MCA, Datuk Seri Dr Ling Liong Sik, Presiden MIC, Datuk Seri S Samy Vellu, Presiden Gerakan, Datuk Dr Lim Keng Yaik, Ketua Menteri, Tan Sri Haji Abdul Rahim Tamby Chik dan Ketua Menteri Sarawak, Tan Sri Haji Abdul Taib Mahmud.

Kerajaan, kata Perdana Menteri, akan terus menggubal pelbagai dasar untuk membangunkan negara selagi rakyat memberi sokongan padu kepadanya.

Beliau berkata, dengan adanya sokongan padu daripada rakyat, kerajaan akan menjadi lebih kukuh dan mampu melaksanakan pelbagai projek pembangunan tanpa sebarang masalah.

Oleh itu, katanya, rakyat perlu memberi sokongan padu

yang berterusan supaya kerajaan dapat mengatasi setiap masalah yang ditimbulkan oleh pihak tertentu bagi menggagalkan usaha pembangunan kerajaan.

Menurutnya, tanpa sokongan rakyat, kerajaan akan menjadi lemah dan sentiasa dalam ketakutan serta tidak boleh membuat keputusan mengenai pelbagai perkara yang menimbulkan isu di kalangan masyarakat pelbagai kaum.

"Kerajaan yang lemah tidak akan berdaya untuk menangkis isu yang ditimbulkan oleh pihak tertentu serta membabitkan pelbagai aspek, termasuk pembangunan.

"Sebaliknya, kerajaan yang menerima sokongan padu daripada rakyat akan dapat membentuk pelbagai dasar untuk terus membangunkan negara," katanya.

Perdana Menteri kemudian menarik tirai papan perasmian pangsapuri itu sebelum diiringi oleh Tan Sri Haji Abdul Rahim melawat ke rumah contoh di situ.